SATU KONSEP BERLAINAN OBJEK

Hasnah Mohamad
hasnah_m@upm.edu.my

Amira Razlan
amirarazlan@yahoo.com

ABSTRAK

Istilah bermula daripada konsep bagi sesuatu objek konkrit atau abstrak, diikuti dengan lambang linguistik, iaitu istilah. Itulah yang menjadi prinsip Teori Umum Peristilahan. Konsep bersifat universal begitu juga dengan objek, namun lambang linguistik atau istilah berbeza antara sosiobudaya yang berbeza disebabkan pandangan dunia yang berbeza antara sebuah kelompok masyarakat dengan kelompok yang lain. Hal inilah yang akan dihuraikan dalam makalah ini, yang merupakan kajian terhadap perbezaan objek yang diberikan terhadap konsep yang sama. Dalam kajian ini, konsep merujuk pada makna atau nilai yang diberikan terhadap objek, iaitu kosa kata haiwan dalam peribahasa Melayu, Cina dan India. Lambang linguistik atau istilah pula merujuk pada peribahasa Melayu, Cina dan India yang dibentuk berdasarkan objek dan konsep mengikut persepsi masyarakat berkenaan. Kajian ini membandingkan peribahasa Melayu, Cina dan India dengan mengehadkan pada peribahasa yang menggunakan kosa kata haiwan bagi ketiga-tiga kelompok masyarakat tersebut. Teori Umum Peristilahan digunakan dalam penganalisisan data kajian. Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan tanggapan terhadap haiwan tertentu antara ketiga-tiga kelompok masyarakat yang dikaji. Kajian ini menunjukkan perbezaan tanggapan tersebut perlu difahami dan dihormati untuk mengelakkan perselisihan faham antara kelompok masyarakat yang berbeza.
Kata kunci : *Istilah, konsep, objek, Teori Umum Peristilahan.*

PENGENALAN

Peranan utama bahasa adalah sebagai agen komunikasi. Selain itu, bahasa juga merupakan alat untuk membuat persepsi terhadap alam sekeliling dan juga alat untuk berfikir. Berdasarkan peranan tersebutlah bahasa dikaitkan dengan fungsi sebagai perakam budaya dan sejarah komuniti penuturnya (Drame, A. 2015). Peranan bahasa amatlah luas termasuklah memupuk adat resam, nilai dan norma serta pemikiran sesebuah bangsa. Pemikiran sesebuah masyarakat juga dikaitkan dengan penggunaan bahasanya. Justeru, semakin tinggi pemikiran sesebuah masyarakat maka semakin semakin bijak masyarakat itu mengatur serta menggunakan bahasanya. Pola pemikiran ini juga dapat dilihat dalam peribahasa kerana peribahasa mendukung citra pemikiran masyarakatnya melalui pengungkapan bahasa yang halus dan indah serta bernilai dalam sesuatu bahasa. Ahli linguistik juga memperakui bahawa bahasa kiasan dalam peribahasa berhubung rapat dengan kognitif atau pemikiran, terutama yang dipengaruhi oleh pengalaman yang wujud dalam pemikiran masyarakat pencipta peribahasa itu sendiri. Peribahasa merupakan suatu warisan bahasa yang diturunkan daripada satu generasi ke satu generasi sejak turun temurun. Peribahasa digunakan sebagai salah satu cara ahli masyarakat dalam kebanyakan budaya meluah dan menyampaikan pesanan, teguran, pendidikan, menyatakan perasaan dan

sindiran halus kepada individu yang hendak ditegur. Hal ini adalah untuk menghindari penggunaan kata-kata kasar yang mungkin melukakan hati orang yang hendak ditegur kerana dalam berinteraksi dengan seseorang, tutur kata perlu dijaga supaya tidak menjejaskan air muka seseorang. Fenomena tidak berterus terang ini memperlihatkan keluhuran dan ketinggian adat budaya masyarakat berkaitan. Pembinaan peribahasa dibuat menggunakan pelbagai lambang bahasa yang diambil daripada persekitaran manusia bagi mewakili suatu makna. Penggunaan kiasan menerusi lambang ini memperlihatkan ketajaman pemerhatian masyarakat terhadap fenomena di sekeliling mereka. Lambang bahasa dijadikan medium untuk merakamkan fikiran dan pengalaman sesebuah masyarakat apabila mereka menghubungkan alam yang berbeza dengan makna yang dirujuk kepada perlakuan manusia dan seterusnya menjadi cerminan terhadap tingkah laku masyarakat, sama ada negatif atau positif. Dalam hal ini, sifat pelbagai jenis haiwan dan tanaman telah digunakan dengan bijak untuk dibandingkan dan diumpamakan dengan tingkah laku, perangai dan keadaan manusia. Malaysia sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, dan kaum utamanya ialah Melayu, Cina dan India. Ketiga-tiga kaum ini mempunyai himpunan peribahasanya yang tersendiri, yang perlu difahami untuk mengelakkan salah tanggapan yang mungkin menjejaskan hubungan antara pihak berkenaan. Sesungguhnya, keunikan peribahasa antara ketiga-tiga kaum ini seharusnya didalami, dihayati dan seterusnya dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Kekeliruan dalam memahami leksikal dalam bahasa yang dituturkan oleh setiap anggota masyarakat akan memberikan impak negatif. Hal ini kerana kesilapan tersebut boleh menjejaskan kewibawaan, keupayaan, akhlak, peribadi, hubungan atau kesefahaman antara individu dengan yang lain dalam sesebuah masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengenal pasti penggunaan leksikal haiwan dalam peribahasa Melayu, Cina dan Tamil.
2. Untuk menghuraikan kaitan leksikal dalam peribahasa dengan persekitaran masyarakat.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk memberikan pemahaman budaya melalui bahasa dalam kalangan tiga kaum utama di Malaysia. Kefahaman ini penting untuk mengelakkan salah faham dan seterusnya menjaga keharmonian kaum di negara ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Teks yang dipilih ialah peribahasa Melayu, Cina dan India daripada buku-buku berikut:

i. Koleksi Terindah Peribahasa Melayu (2006) Edisi Kemas Kini oleh Ainon Mohd dan Abdullah Hassan
ii. Popular Chinese Idiom (2008) terjemahan oleh Yang Li Ping
iii. Easy Way to Learn Chinese Idioms (1998) oleh Yong He
iv. Tamil Proverb with their English Translation: Containing Upwards of Six Thousand Proverb, Second Edition (1996) oleh Rev.P.Percival

Peribahasa yang dipilih ialah peribahasa yang menggunakan leksikal haiwan. Senarai peribahasa yang mengandungi leksikal haiwan dianalisis konsepnya, iaitu makna peribahasa dan diberi label nilai. Seterusnya peribahasa tersebut diklasifikasikan mengikut konsep, iaitu makna dan label nilai dan objek iaitu leksikal haiwan.

Penganalisisan data dilakukan dengan menerapkan Teori Umum Peristilahan yang dipelopori oleh Eugene Wuster (1985). Teori ini menerapkan Model Istilah Wuster yang dapat memaparkan data kajian tentang persamaan atau perbezaan leksikal haiwan yang dikaji dari sudut semantik secara jelas. Berdasarkan Model Istilah Wuster, data dikelaskan kepada empat bahagian, iaitu makna, konsep, objek, dan ciri individu.

i. Makna
Makna mewakili hasil penelitian mendalam terhadap leksikal-leksikal yang digunakan dalam peribahasa dan merujuk pada persamaan dan/atau perbezaan pandangan atau konsep antara peribahasa yang dibandingkan. Setiap peribahasa yang dikaji maknanya dikelompokkan di bawah satu konsep makna. Dalam kajian ini, makna dikaji dari aspek peribahasa yang menggunakan leksikal haiwan yang berbeza untuk menghasilkan makna yang sama.

ii. Konsep
Konsep ialah nilai yang terhasil daripada makna peribahasa yang dibandingkan. Konsep ini dinilai menerusi positif atau negatif makna yang ingin disampaikan dalam sesebuah peribahasa. Misalnya, penelitian terhadap peribahasa ketiga-tiga kelompok kaum utama di negara ini, menunjukkan bahawa anjing melambangkan konsep sukar menukar tabiat. Maka, dapat dikelaskan bahawa ketiga-tiga kaum tersebut memberikan konsep negatif terhadap sifat anjing.

iii. Objek
Objek merupakan leksikal haiwan yang digunakan dalam peribahasa. Objek ini digunakan untuk menunjukkan aspek persamaan dan perbezaan pemikiran antara masyarakat dan seterusnya membina sesebuah makna.

iv. Ciri individu
Ciri individu ialah leksikal-leksikal yang digunakan dalam sesebuah peribahasa. Leksikal berkenaan sama ada kata tunggal atau kata gabung, dikaji secara berasingan dari aspek semantiknya. Hubungan antara leksikal tersebut dengan budaya, kepercayaan, cara hidup mahupun geografi turut dikaji.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam peribahasa Melayu, Cina dan India, terdapat berlainan objek yang digunakan untuk mewakili satu konsep yang sama. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji mendapatkan konsep yang serupa dan meneliti perbezaan leksikal haiwan (objek) yang digunakan dalam peribahasa Melayu, Cina dan Tamil. Jadual 1.0 memaparkan dapatan yang menunjukkan konsep yang sama tetapi diwakili oleh berlainan leksikal haiwan (objek) dalam peribahasa Melayu, Cina dan Tamil. Walau bagaimanapun, sesetengah konsep tidak ada perwakilan leksikal haiwan dalam peribahasa kaum tertentu.

Seterusnya leksikal haiwan yang berlainan ini dihuraikan dari sudut latar belakang masyarakat untuk mencapai objektif kedua, iaitu perkaitan antara leksikal yang digunakan dengan persekitaran masyarakat. Untuk tujuan penulisan ini, hanya dua sahaja data yang akan dihuraikan.

Jadual 1.0. Jadual Leksikal Haiwan (Objek) yang Berlainan dalam Peribahasa Melayu, Cina dan Tamil, tetapi Mewakili Konsep yang Sama.

Konsep yang diwakili	**Nilai**	**Leksikal haiwan (objek) dalam peribahasa**		
		Peribahasa Melayu	**Peribahasa Cina**	**Peribahasa Tamil**
Sangat berharga	Positif	Gajah	Kuda	Lembu
Tidak tetap pendirian	Negatif	Biawak, Ular		Kucing
Tidak sedar keupayaan diri/tidak menerima hakikat diri	Negatif	Kancil	Katak	
Tidak boleh dipercayai	Negatif	Kera		Kucing
Rendah akhlak	Negatif	Kucing	Musang	

Data 1 : Konsep sangat berharga

Analisis berlandaskan Model Istilah Wuster dalam Teori Umum Peristilahan



Rajah 1.0. Model Istilah Wuster berkaitan Leksikal Gajah, Kuda dan Lembu yang Digunakan dalam Peribahasa Melayu (PM), Cina (PC) dan Tamil (PT) untuk Menggambarkan Konsep Sangat Berharga.

Petunjuk : PM – Peribahasa Melayu; PC – Peribahasa Cina; PT – Peribahasa Tamil

Rajah 1.0 memaparkan perbezaan leksikal haiwan (objek) yang digunakan dalam peribahasa Melayu, Cina dan Tamil untuk menggambarkan sesuatu yang berharga. Kajian menunjukkan bahawa, walaupun objek yang digunakan berbeza, iaitu leksikal haiwan gajah, kuda dan lembu, namun konsep yang dibawa adalah sama, iaitu sesuatu yang berharga. Konsep ini dirumuskan berdasarkan penelitian makna dan nilai yang hendak disampaikan oleh peribahasa berkenaan berpandukan leksikal haiwan dan hubungannya dengan leksikal-leksikal lain dalam peribahasa tersebut. Secara terperinci penghuraiannya adalah seperti yang berikut;

Masyarakat Melayu mencipta peribahasa "Gajah mati tulang setimbun" yang bermaksud "Orang yang berharta akan meninggalkan harta yang banyak apabila meninggal dunia". Penggunaan objek gajah merujuk pada orang yang berharta, yang dikaitkan dengan frasa tulang setimbun untuk merujuk pada harta yang banyak. Frasa tulang setimbun pula amat sesuai dengan fizikal gajah yang bersaiz besar yang akan menghasilkan tulang yang begitu banyak apabila mati. Menurut masyarakat Melayu, gajah dianggap berharga kerana dari segi sejarahnya, gajah yang dikenali sebagai haiwan liar sering dijerat untuk digunakan sebagai alat pengangkutan golongan pemerintah. Selain itu, gajah juga dijadikan kenderaan dalam peperangan dan kadang kala dijadikan kesatria perang kerana kelebihannya dalam menundukkan musuh dengan cara memijak, menusukkan gadingnya terhadap musuh serta melempar orang dengan belalainya. Berdasarkan pelbagai kelebihan inilah masyarakat Melayu menganggap bahawa gajah mempunyai kekuatan yang luar biasa dan dikategorikan sebagai sesuatu yang berharga.

Seterusnya, masyarakat Cina pula menerusi peribahasanya " Seekor kuda tua tahu semua jalan yang dilaluinya" menggunakan objek kuda dalam peribahasanya untuk mewakili konsep sesuatu yang berharga. Peribahasa tersebut bermaksud seorang yang berpengalaman dapat membantu orang lain dengan kemahiran dan pengetahuan yang dimilikinya. Leksikal "kuda tua" bermaksud orang yang berpengalaman mempunyai hubungan sintaksis dengan klausa "tahu semua jalan yang dilaluinya" yang merujuk pada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Dari sudut sosiologi, masyarakat Cina pada zaman lampau menganggap kuda sebagai salah satu elemen yang sangat penting dalam kelompok masyarakatnya. Hal ini disebabkan fungsi kuda yang pada asalnya digunakan sebagai kenderaan untuk mengangkut barang, namun semakin lama telah berkembang fungsinya lalu digunakan dalam peperangan sehinggalah munculnya istilah kuda perang.

Masyarakat India pula memandang tinggi terhadap leksikal haiwan (objek) lembu, yang terbukti daripada peribahasanya yang berbunyi "Kekayaan seseorang diukur dengan melihat jumlah lembu yang dimilikinya, manakala kebun tidak lengkap tanpa pokok marungai". Peribahasa ini membawa maksud kepelbagaian kegunaan yang digambarkan melalui unsur flora dan fauna, iaitu lembu dan pokok marungai. Lembu juga dijadikan ukuran kekayaan, iaitu jika seseorang itu mempunyai bilangan lembu yang banyak, bererti dia merupakan orang yang berharta. Di samping itu, lembu juga mempunyai pelbagai kegunaan, misalnya digunakan dalam membantu aktiviti pertanian, menghasilkan susu dan produk tenusu, serta najisnya yang digunakan sebagai bahan bakar.

Penjelasan tentang peribahasa ketiga-tiga masyarakat Melayu, Cina dan India yang menggunakan leksikal haiwan yang berbeza di atas memperlihatkan hubungan haiwan berkaitan dengan persekitaran masyarakat tersebut untuk menggambarkan sesuatu konsep. Setiap kelompok masyarakat mempunyai kelainan dari segi penggunaan leksikal dalam peribahasanya kerana terdapat perbezaan dari segi adat, budaya, ekonomi, kesenian dan sebagainya.

Data 2 : Tidak sedar keupayaan diri/tidak menerima hakikat keupayaan diri

Analisis berlandaskan Model Istilah Wuster dalam Teori Umum Peristilahan



Rajah 2.0. Model Istilah Wuster berkaitan Leksikal Kancil dan Katak yang Digunakan dalam Peribahasa Melayu (PM), dan Cina untuk Menggambarkan Konsep Tidak Sedar akan Keupayaan Diri.

Rajah 2.0 memaparkan perbezaan leksikal haiwan (objek) yang digunakan dalam peribahasa Melayu dan Cina untuk menggambarkan seseorang yang tidak sedar akan keupayaan diri sendiri atau tidak menerima hakikat keupayaan diri sendiri. Kajian menunjukkan bahawa, konsep yang dirujuk adalah sama, iaitu seseorang yang tidak sedar akan keupayaan diri atau tidak menerima hakikat keupayaan dirinya, namun leksikal haiwan yang dirujuk untuk konsep tersebut adalah berbeza bagi masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Rumusan dibuat berdasarkan penelitian makna dan nilai yang hendak disampaikan oleh peribahasa berkenaan berpandukan leksikal haiwan dan hubungannya dengan leksikal-leksikal lain dalam peribahasa tersebut. Secara terperinci penghuraiannya adalah seperti yang berikut;

Peribahasa “Gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar, akhirnya mati kebebangan” yang dicipta oleh masyarakat Melayu bermaksud “Hendak meniru perbuatan orang yang besar (kaya), akhirnya diri sendiri yang binasa”. Leksikal gajah bermaksud orang yang kaya, berkedudukan tinggi dan mempunyai kuasa, manakala kancil pula merujuk pada orang yang lemah, serba kekurangan dan tidak mempunyai kuasa. Dalam peribahasa ini, perbandingan gajah dan kancil adalah dari segi saiz yang dikiaskan dengan maksud kekayaan, kedudukan dan kuasa seseorang. Hal ini kerana dalam kalangan masyarakat Melayu, gajah merupakan haiwan terbesar dan dikagumi di alam rimba dan mempunyai kepelbagaian kegunaan, manakala kancil pula adalah haiwan yang kecil dan sering menjadi mangsa haiwan lain dan juga buruan manusia. Seterusnya, aspek tingkah laku dalam peribahasa tersebut, iaitu frasa “berak besar” merujuk pada

aktiviti atau perbuatan yang mampu dilakukan oleh seseorang yang kaya raya, berkedudukan tinggi dan berkuasa tidak mungkin dapat dilakukan oleh orang yang lemah dan serba kekurangan, dan jika dilakukan juga sudah pasti akan mengakibatkan kesusahan atau kemudaratan kepada individu berkenaan.

Masyarakat Cina pula mencipta peribahasa "Katak hendak beradu besar dengan yak, perutnya dikembungkan sehingga meletus" yang bermaksud "Orang yang tidak sedar akan keupayaan diri sendiri". Seperti juga peribahasa Melayu, peribahasa ini juga membandingkan dua haiwan yang amat berbeza saiznya, iaitu yak dan katak. Yak ialah sejenis lembu bertanduk panjang, berbulu tebal berjumbai-jumpai dan hanya terdapat di pergunungan Himalaya dan di Tibet. Perbandingan adalah dari segi saiz yak yang bersaiz besar dengan katak yang bersaiz kecil. Jalinan dengan frasa "hendak beradu besar" dalam peribahasa ini bermaksud seseorang yang lemah dan mempunyai kuasa terhad ingin melawan orang yang lebih kuat dan berkuasa akhirnya akan memakan diri sendiri yang dipaparkan dalam peribahasa ini melalui frasa "sehingga meletus".

Penjelasan tentang peribahasa masyarakat Melayu dan Cina yang menggunakan leksikal haiwan yang berbeza di atas memperlihatkan hubungan haiwan berkaitan dengan persekitaran masyarakat tersebut untuk menggambarkan sesuatu konsep. Perbezaan pemilihan leksikal haiwan dalam peribahasa masyarakat Melayu dan Cina berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, contohnya aktiviti yang dijalankan serta iklim tempat tinggal kelompok masyarakat berkenaan. Misalnya, haiwan yak dalam peribahasa Cina hanya terdapat di negara yang mengalami iklim sejuk. Masyarakat Melayu pula banyak terdedah kepada haiwan gajah, kerana gajah digunakan untuk menjalankan aktiviti pertanian, pengangkutan dan juga sebagai angkatan ketenteraan semasa perang. Pada umumnya, masyarakat Melayu, Cina dan India menggunakan pendekatan yang sama dalam menyampaikan sesuatu nasihat atau penciptaan peribahasa, dan banyak menggunakan unsur haiwan

KESIMPULAN

Pada umumnya kajian mendapati bahawa pemilihan leksikal untuk membentuk peribahasa dalam kalangan masyarakat adalah berdasarkan beberapa aspek yang melatari kehidupan mereka, seperti aktiviti sara hidup dan geografi penempatan sesebuah masyarakat. Pemilihan leksikal ini juga dipengaruhi oleh faktor situasi atau konteks yang bersifat khusus, seperti agama, kepercayaan, adat resam, mitos atau lagenda. Secara umumnya, sebagai masyarakat berbilang kaum kita perlu sentiasa berhati-hati dalam penggunaan leksikal, termasuklah penggunaan leksikal haiwan kerana penggunaan yang salah mungkin akan menyentuh emosi individu lain. Model istilah Wuster dalam Teori Umum Peristilahan terbukti sesuai diterapkan dalam kajian yang dijalankan kerana model ini mengandungi hubungan asas antara objek, konsep dan istilah. Dalam kajian ini, objek merujuk pada leksikal haiwan, manakala konsep pula merujuk pada makna istilah berdasarkan pertautan leksikal dalam peribahasa yang seterusnya merumuskan nilai yang ingin disampaikan melalui peribahasa, dan istilah yang merujuk pada peribahasa yang dibentuk.

RUJUKAN

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2006). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Singleton, D (2000). *Language and the Lexicon An Introduction*. London: Arnold Publisher.

Ding Choo Ming (2009). Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu. SARI: International Journal of the Malay World and Civilisation, 27(2)(2009:pp 3-26).

Depecker, L. (2015). How to Build Terminolgy Science?. Dlm *Handbook of Terminology*, Volume 1. (pp 34-44). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Drame, A. (2015). The Social and Organizational Context of Terminology Work: Purpose, Environment and Stakeholders. Dlm *Handbook of Terminology*, Volume 1. (pp 507-519). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Imran Ho-Abdullah (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (*Canis familiaris*). GEMA Online Journal Studies, Volume 11(1)2011.

Lee, Selina S.F (2009). Peribahasa Mengungkapkan Kebijaksanaan Masyarakat Cina. Dlm *Melestarikan Tradisi Budaya*. (pp 30-42). Seri Kembangan: Citra Kurma Enterprise.

Percival, P. (1996). *Tamil Proverb with Their English Translation: Containing Upwards of Six Thousand Proverb*. Madras: Asian Educational Services.

BIODATA PENULIS :

NAMA : DATIN DR. HASNAH BINTI MOHAMAD
ALAMAT : JABATAN BAHASA MELAYU, FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI, UPM SERDANG, 43400 SERDANG, SELANGOR
TELEFON : 03-97698741 (PEJABAT)/012-2078911

Datin Dr. Hasnah binti Mohamad merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Mempunyai kepakaran dalam bidang Linguistik Terapan (Leksikografi dan terminografi) (UKM). Sebelum bertugas di UPM beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka selama 15 tahun, dan pernah dipinjamkan ke *Hankuk University of Foreign Studies* (Mac 2011-Februari 2012) untuk mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing di Korea. Kajian beliau banyak tertumpu kepada bidang terminologi dan terminografi (peristilahan dan penyusunan kamus istilah), leksikografi (penyusunan kamus), dan semantik leksikal.